

Bersama tangani isu banjir

BANJIR kilat biasa berlaku di Kuala Lumpur, terutama apabila hujan lebat tidak berhenti untuk jangka waktu lama. Banyak kawasan dilanda banjir kilat, terutama di kawasan rendah atau di kawasan saluran air tidak berjalan lancar.

Memetik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), banjir kilat di sekitar ibu kota selalunya berpunca daripada kadar air di permukaan yang tinggi, berkumpul dalam tempoh singkat. Ini menyebabkan air lambat mengalir walaupun sistem saluran sedia ada beroperasi pada kapasiti maksimum.

Apabila banjir kilat berlaku, DBKL bertindak pantas menangani masalah agar air bertakung dapat disurutkan

secepat mungkin. Sampah atau objek lain yang menghalang laluan air dibersihkan. Selain itu pemantauan rapi dibuat melalui kamera litar tertutup.

Warga kota wajar menghargai peranan DBKL menangani banjir kilat. Namun tugas ini tidak harus diletakkan di bahu DBKL semata-mata. Warga kota perlu sama-sama membantu DBKL kerana disedari atau tidak warga kota juga menyumbang kepada masalah banjir kilat di ibu negara.

Misalnya, ramai suka membuang sampah sarap ke dalam sistem saluran air seperti longkang atau parit dan saluran air lain. Ini menyebabkan berlaku halangan kepada kelancaran aliran air. Akibatnya air melimpah dan seterusnya banjir kilat.